



MAJLIS SAMBUTAN HARI Q KUTKM 2003

اوینیورسیتی ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PELANCARAN SISTEM ISO 9000

MS ISO 9001:2000

LG
173
.M44
.M34
2003
osa
n2

**7 OKTOBER 2003
AUDITORIUM SERI NEGERI
AYER KEROH, MELAKA**

PERPUSTAKAAN KUTKM Slip Pemulangan

Kembalikan buku ke Perpustakaan tidak lewat dari tarikh yang telah ditetapkan

No. Aksesen :

PERPUSTAKAAN
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

0026624 (A)
22 JUL 2005

osa

LGI73.M44 .M34 2003



0000006802

Majlis sambutan Hari Q KUTKM 2003 & pelancaran sistem
ISO 9000, 7 Oktober 2003, Auditorium Seri Negeri, Ayer
Keroh Melaka / Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan



**MAJLIS
SAMBUTAN HARI Q
KUTKM 2003**

&

**PELANCARAN
SISTEM ISO 9000**

UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN

**7 OKTOBER 2003
AUDITORIUM SERI NEGERI
AYER KEROH, MELAKA**

ISO 9001:2000



Kata Alu-Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.)
Mohd Saleh Bin Sulong

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata sempena Majlis Sambutan Hari Q KUTKM 2003 dan Pelancaran Sistem ISO 9000.

Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang telah menunjukkan komitmen dan kesungguhan mereka dengan melahirkan ‘output’ yang berkualiti. Ini secara langsung meningkatkan produktiviti KUTKM yang sentiasa memberi keutamaan kepada kualiti.

Di dalam senario terkini dunia tanpa sempadan yang bertemakan globalisasi, kualiti perlu diambil kira didalam setiap perancangan strategik. Ini adalah kerana persaingan yang semakin sengit memaksa setiap organisasi menitikberatkan kualiti untuk terus maju dan berjaya.

Justeru itu, KUTKM telah menerapkan nilai-nilai kualiti bagi mewujudkan satu budaya kerja yang menjurus ke arah pencapaian aspirasinya untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang disegani dan bereputasi tinggi.

Di samping itu, pelancaran Sistem ISO 9000 juga diharapkan akan menjadi pemangkin yang menyemarakkan lagi iltizam dan semangat seluruh warga KUTKM untuk mencapai tahap kecemerlangan kualiti yang tinggi. Usaha ini menjanjikan penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2000 seperti yang disasarkan pada 2005. Insya-Allah.

Sekian, wassalam.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Mohd Saleh Bin Sulong



Kata Alu-Aluan Rektor KUTKM

Y. Bhg. Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddy Bin Ab Ghani

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Alhamdulillah, rasa syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta inayah-Nya, dapat direalisasikan Majlis Sambutan Hari Q KUTKM 2003 dan Pelancaran Sistem ISO 9000 pada tahun ini.

Setelah hampir tiga tahun usia KUTKM, buat julung-julung kalinya kita dapat mengadakan satu majlis bagi mengiktiraf kecemerlangan dan kualiti tinggi yang dipamerkan oleh warga KUTKM. Ini merupakan cerminan kepada misi KUTKM itu sendiri yang sentiasa meletakkan kepentingan kualiti di tempat teratas.

Sekalung syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pemenang Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUTKM 2002. Semoga pengiktirafan ini menjadi motivasi yang terbaik dalam menyumbang lebih banyak lagi idea dan tenaga bagi menjadikan KUTKM sebagai salah sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif di dunia.


Majlis kali ini juga mempunyai signifikasi yang tersendiri di mana satu buku Sistem ISO 9000 bertema 'Kualiti Ke Arah Kecemerlangan' turut dilancarkan. Buku ini akan menjadi satu 'blueprint' dalam usaha KUTKM merealisasikan hasrat dan cita-cita mendapat pensijilan MS ISO 9001:2000 akhir tahun depan atau selewat-lewatnya awal 2005.

Namun begitu, apa yang lebih penting ialah saya mengharapkan buku ini akan menjadi satu panduan dalam membudayakan diri kita dan seterusnya organisasi kita dengan budaya amalan kualiti serta kecemerlangan.

Inilah persediaan yang paling ampuh sewaktu kita sedang menghadapi era globalisasi serta dunia tanpa sempadan, yang mana yang terbaik di kalangan kita akan terus kekal dan maju ke hadapan. Sebaliknya, jika kita terus leka tanpa ada usaha menjadikan KUTKM sebagai sebuah organisasi berkualiti, saya khuatir kita akan terus ketinggalan.

Akhir kata, saya berharap seluruh warga KUTKM akan menghayati budaya kerja yang cemerlang dan berkualiti kerana ia juga merupakan sebahagian daripada tuntutan agama dan negara.

Sekian, wassalam.


Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddy Bin Ab Ghani

Atur Cara Majlis Sambutan Hari Q KUTKM 2003 & Pelancaran Sistem ISO 9000

10.30 pagi : Ketibaan Staf

11.00 pagi : Ketibaan Y.Bhg. Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin Bin Ab. Ghani,
Rektor KUTKM

11.05 pagi : Ketibaan Y.Bhg. Tan Sri Dato Seri (Dr.) Mohd Saleh Bin Sulong,
Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM

11.10 pagi : Bacaan Doa

11.15 pagi : Ucapan Y. Bhg. Datuk Rektor

11.25 pagi : Ucapan Y. Bhg. Tan Sri Pengarah Lembaga Pengarah KUTKM

11.35 pagi : Pelancaran Sistem ISO 9000

11.55 pagi : Penyampaian Sijil Kepada Penerima-Penerima
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

12.25 t/hari : Bacaan Ikrar Kualiti Dan Ikrar Integriti Pegawai Awam

12.30 t/hari : Jamuan Tengah Hari Dan Bersurai

PENGANUGERAHAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

KRITERIA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang atau berkualiti.

Perkhidmatan cemerlang ialah perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang staf yang mana mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Perkhidmatan yang diberikan itu boleh dijadikan contoh dan ikutan, serta memberi pengaruh dalam menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha kepada staf-staf yang lain.

Kerajaan telah melaksanakan Sistem Saran Malaysia (SSM) berkuatkuasa mulai 1 November 2002. Berikutan dengan pelaksanaan sistem ini, Kerajaan telah menetapkan supaya dasar dan kaedah pemberian APC diubahsuai sewajarnya melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 ‘Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam’. Dengan itu, mulai daripada tarikh keluarnya Pekeliling ini, semua peraturan dan rujukan mengenai pemberian APC hendaklah menggunakan Pekeliling ini.

Dasar dan kaedah baru berkaitan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dinyatakan dengan ringkas seperti berikut:-

Kelayakan

- I. Staf yang dilantik untuk berkhidmat dengan agensi awam sama ada secara **tetap, sementara atau kontrak**.
- II. Kelayakan ini meliputi staf yang berada di atas tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, Sistem Saran Baru (SSB) dan Sistem Saran Malaysia.
- III. Staf telah berkhidmat bagi tempoh **genap setahun penuh** pada tarikh terakhir tahun penilaian.

Asas Penilaian

Penilaian terhadap staf bagi tujuan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini wajar diambil dari kalangan mereka yang mendapat markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan **85 peratus dan lebih**.

Bilangan Penerima

- I. Kuota bilangan penerima Anugerah ini bagi setiap agensi tidak melebihi **8 peratus** daripada jumlah anggota yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian berkenaan.
- II. Sungguhpun begitu, had maksimum ini tidak semestinya dipenuhi jika jumlah anggota yang layak tidak mencukupi.
- III. Dalam konteks KUTKM, memandangkan jumlah keseluruhan staf yang dinilai bagi tahun 2002 ialah 436 orang, maka 8 peratus daripada jumlah tersebut ialah 35 orang.

Insentif dan Hadiah

Insentif dan hadiah yang layak diterima oleh penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ialah:-

- I. Sijil Perkhidmatan Cemerlang;
- II. Hadiah prestasi sebanyak RM1,000;
- III. Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;
- IV. Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan negeri; dan
- V. Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.

اویونیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MS ISO 9001:2000

IKRAR INTEGRITI PEGAWAI AWAM

IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Kami, pegawai awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkuatkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:-

- Pertama** : Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Kedua** : Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Ketiga** : Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang peraturan dan etika jabatan;
- Keempat** : Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak yang memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Kelima** : Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej pegawai awam; dan
- Keenam** : Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

CATATAN PENERIMA ANUGERAH KEPUJIAN UNIVERSITI 2001



*Nama : Hasan Bin Sirun
No. staf : 00010
Jawatan : Pendaftar
Pejabat : Pejabat Pendaftar
Tarikh Mula Berkhidmat : 2 Januari 2001*

Mula berkhidmat di dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir di UTM mulai 1984, kemudian dipinjamkan ke Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSB), Batu Pahat, Johor (dikenali juga sebagai Institut Teknologi Tun Hussien Onn (ITTHO) dan kini sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) pada tahun 1994, dan dipinjamkan ke KUTKM di awal penubuhannya sebelum dilantik ke dalam perkhidmatan KUTKM secara pertukaran tetap dan menyandang jawatan Pendaftar mulai 2 Januari 2001.

Pengalaman ‘membangunkan’ PLSP sehingga tertubuhnya KUiTTHO amat membantu beliau membangunkan pengurusan pentadbiran KUTKM sejak penubuhannya bersama-sama tenaga penggerak yang lain. Keupayaan beliau menentukan ‘priority’ dalam kerangka dan strategi pengurusan telah meletakkan perancangan dan pembangunan sumber manusia universiti ini pada landasan yang ‘tepat’.

Perwatakan tampak serius tetapi sebenarnya bersifat sederhana dan sentiasa bersedia serta mudah untuk menerima sesiapa sahaja di pejabatnya. Ditanya faktor kekuatan kepada kejayaan beliau, beliau menyatakan, waktu bertugas daripada jam 8.00 pagi sehingga 4.30 petang adalah masa yang digunakan untuk berurusan dengan pelanggan tetapi tanggungjawab dan komitmen kepada tugas dan organisasi mestilah diberikan pada setiap masa dan dalam apa jua keadaan tetapi satu perkara yang mesti paling dijaga ialah “Ikhlaskanlah hati kerana Allah dalam apa jua tindakan”. Ikhlas mudah disebut tetapi paling sukar diamalkan. Ikhlas amat mudah menjauhi kita, justeru itu perlulah dipelihara setiap ketika.

CATATAN PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2002



<i>Nama</i>	: <i>Noraida binti Mohamad Noh</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00015</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pembantu Tadbir (Kesetiausahaans)</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pejabat Canseleri</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>1 Mac 2001</i>

Beliau mula berkhidmat di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia sejak 1 Mac 2001 sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaans) Gred N17 dan seterusnya memangku jawatan yang sama pada Gred N22. Noraida bertanggungjawab sepenuhnya kepada Y.Bhg. Datuk Rektor dalam membantu melicinkan perjalanan program, aktiviti termasuk tugas-tugas harian Datuk Rektor.

Di samping itu, Noraida turut terlibat sepenuhnya sebagai Urus Setia Biro Jemputan dan Protokol pada Majlis-Majlis Rasmi KUTKM. Antara penglibatannya pada 2002 adalah Majlis Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap KUTKM (25 Januari 2002), Majlis Menandatangani Surat Aku Janji Staf Dan Mahasiswa KUTKM (20 Mac 2002), Program Larian Jalur Gemilang Dan Pelancaran ‘MOMENTUM’ (18 Ogos 2002) serta Pertandingan Sajak Dan Pidato Kemerdekaan Peringkat Negeri Melaka (12-24 Ogos 2002).

Beliau juga bergiat aktif dalam bidang sukan dan telah menyertai pelbagai kejohanan anjuran KUTKM serta organisasi luar. Antaranya adalah Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Ke-27 di UIAM (bola tampar dan boling), Sukan 5 Penjuru (Johan-bola tampar), Kejohanan Sukan Staf KUTKM (Johan Jabatan-bola tampar (W) dan bola jaring), Kejohanan Boling Tertutup KUTKM dan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Sukan Negeri Melaka (peserta Larian Joging).



*Nama : Siti Zurah binti Mohd Nasir
No. staf : 00154
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Kesetiausahaank)
Pejabat : Pejabat Canseleri
Tarikh Mula
Berkhidmat : 1 Ogos 2001*

Mula berkhidmat pada Ogos 1, 2001 tugas Siti Zurah tidak terhad kepada kerja-kerja kesetiausahaan saji, malah turut merangkumi bidang lain seperti aktiviti penganjuran majlis-majlis rasmi universiti, memastikan hubungan baik dengan pihak media, melaksanakan promosi KUTKM serta terlibat dalam sukan staf IPTA. Secara tidak langsung, ia memberi pengalaman paling berharga dalam memahirkkan diri dan meluaskan lagi skop kerja beliau di KUTKM.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Berusaha mewujudkan suasana pekerjaan yang ceria dan mengamalkan budaya kerja yang positif seperti berusaha memajukan diri, bersikap pandang ke hadapan dan menghormati antara satu sama lain adalah antara faktor-faktor yang membolehkan beliau mampu melaksanakan tugas dengan berkesan. Siti Zurah setiasa berpendapat faktor kejayaan seseorang itu terletak pada ketinggian motivasi seseorang itu untuk bekerja. Berpegang kepada prinsip inilah, maka beliau memandang setiap tugas itu sebagai suatu pengalaman yang menarik serta menyeronokkan. Kesannya, segala tugas-tugas harian akan menjadi sumber untuk merealisasikan potensi dirinya yang sebenar atau ‘self-actualization’.



*Nama : Rahimah binti Senin
No. staf : 00122
Jawatan : Penolong Pendaftar
Pejabat : Pejabat Pendaftar
Tarikh Mula : Berkhidmat : 2 Julai 2001*

Bagi Rahimah, anugerah ini sangat besar erti kepada dirinya kerana dianggap ‘terlalu berharga’ berbanding dengan sumbangan yang diberikan. Ini meningkatkan azam beliau untuk terus menerus mencurah bakti bagi membangunkan universiti ini khasnya, dan negara, amnya.

Prinsip kerja yang dipegang selama ini, iaitu ‘Do only what you know best and talk only about what you really know’, menjadikan tokoh-tokoh dalam perkhidmatan awam sebagai ‘role model’, ‘corporate values’, menghormati pandangan orang yang telah lama berkhidmat dan menghargai pandangan orang baru, banyak membantu dirinya mencapai standard kerja yang ditetapkan.

Beliau berpendapat mengekalkan anugerah yang diperolehi bukanlah sesuatu yang mudah kerana masih banyak perkara serta tugas yang menanti di hadapan.



*Nama : Mohd Hamdan bin Abdul Talib
No. staf : 00147
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian & Operasi)
Pejabat : Pejabat Pendaftar
Tarikh Mula :
Berkhidmat : 10 Julai 2001*

Sepanjang perkhidmatan di universiti ini, Mohd Hamdan sentiasa berusaha membantu ke arah pembangunan KUTKM, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Pelbagai pengetahuan dan pengalaman digunakan olehnya bagi membantu Pejabat Pendaftar menguruskan pengambilan staf universiti serta menyediakan Belanjawan Mengurus Perjawatan akademik dan bukan akademik yang dilaksanakan setiap tahun.

Beliau juga terlibat dalam mengiklankan kekosongan jawatan di akhbar-akhbar, proses-proses yang melibatkan permohonan jawatan kosong oleh calon-calon, menyaring borang-borang permohonan serta urusan panggilan temu duga calon. Selain itu, Mohd Hamdan bertanggungjawab menguruskan proses lapor diri calon yang berjaya, penempatan dan menyediakan Penyata Perubahan Pendapatan calon (Kew 8) bagi urusan pembayaran gaji, emolumen dan elaun yang berkaitan. Pada masa yang sama, beliau juga bertanggungjawab memastikan semua staf menerima emolumen dan elaun yang sudah ditentukan.

Pada 2002, Mohd Hamdan merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Sistem Saran Malaysia (SSM) di KUTKM berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002. Pada masa yang sama, beliau juga membantu menganjurkan taklimat kepada semua staf berkaitan SSM. Pelaksanaan SSM ini memberikan banyak implikasi terutama dalam urusan berkaitan perjawatan dan perkhidmatan staf yang perlu ditangani dengan segera dan efektif oleh Pejabat Pendaftar.



<i>Nama</i>	: <i>Nor'Emyilia binti Mohamed</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00019</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pejabat Pendaftar</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>12 Mac 2001</i>

Nor'Emyilia menganggap anugerah ini merupakan satu penghargaan istimewa terhadap semua sumbangan yang telah beliau berikan selama berkhidmat di KUTKM. Beliau berterima kasih kepada pihak pengurusan universiti yang telah memilih dirinya sebagai salah seorang daripada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2002.

Baginya, kejayaan yang dicapai adalah hasil daripada kepercayaan, tunjuk ajar dan sokongan daripada pihak Pendaftar selaku pegawai atasan. Selain daripada kemahiran yang diperolehi sepanjang pengalamannya bekerja, sokongan keluarga terutamanya di pihak suami, juga merupakan salah satu faktor penggerak dalam memenuhi tuntutan tugas yang tidak mengira masa.

Nor'Emyilia beranggapan membantu pihak universiti, terutama pegawai atasan dalam merealisasikan misi dan visi KUTKM, dianggap satu cabaran kepada dirinya. Sungguhpun demikian, beliau memandangnya sebagai sesuatu cabaran yang positif. Beliau bertekad untuk terus mengekalkan kecemerlangan ini sepanjang perkhidmatannya ini.



<i>Nama</i>	: <i>Jais bin Sapuan</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00031</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Penolong Pegawai Keselamatan</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pejabat Pendaftar</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>19 April 2001</i>

Jais mula berkhidmat di KUTKM semenjak 19 April 2001 sebagai Penolong Pegawai Keselamatan. Berbekalkan pengalaman bekerja lebih 24 tahun di PDRM dan Telekom Malaysia, beliau telah cuba memberikan perkhidmatan yang terbaik semampu mungkin. Jais sentiasa berusaha mengadaptasi dan mengaplikasikan corak pengurusan berdasarkan pengalaman yang ada dan kesesuaian dengan situasi di KUTKM. Beliau bersyukur kerana setakat ini, kebanyakan usahanya berhasil.

Jais beranggapan, waktu bekerja tidak terhad pada waktu pejabat saja, iaitu dari jam 8 pagi hingga 4:30 petang. Beliau bekerja tidak mengira waktu. Waktu pejabat gunakan sebaik mungkin untuk menguruskan hal-hal pentadbiran Unit Keselamatan. Manakala sebelah malam pula, dia akan membuat rondaan bagi memastikan keselamatan bangunan kampus sementara, pencegahan jenayah dan memantau disiplin pengawal keselamatan yang bertugas. Sungguhpun begitu, tugas-tugas harian ini tidak mampu Jais lakukan dengan baik tanpa bantuan staf-staf Unit Keselamatan yang lain. Sehubungan itu, beliau mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka.

Secara peribadi, Jais berpendapat hubungan kerjasama yang erat antara semua pihak amat penting dalam memastikan kelancaran sesuatu perkara itu. Beliau sering berjumpa dan berbincang terus dengan pihak pengurusan tertinggi KUTKM bagi mendapatkan khidmat nasihat supaya memaksimumkan perkhidmatan yang diberikan oleh Unit Keselamatan supaya sentiasa seiring dengan perkembangan KUTKM.



*Nama : Razifah Binti Hj. Mat Rais
No. staf : 00124
Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O)
Pejabat : Pejabat Pendaftar
Tarikh Mula : Berkhidmat
Berkhidmat : 2 Julai 2001*

Bertugas di Unit Kemasukan/ Pemasaran & Rekod, Bahagian Pengurusan Akademik, bidang tugas Razifah bertumpu kepada promosi kemasukan pelajar seperti pameran dan sebagai pembantu ceramah kerjaya. Lebih kurang 20 ceramah dan pameran yang telah disertainya pada 2002. Beliau juga diarahkan melibatkan diri semasa Mesyuarat Pemilihan Pelajar bagi kemasukan sesi 2002/03. Di samping tugas-tugas berkaitan kemasukan pelajar, beliau turut juga membantu dalam urusan Senat dan peperiksaan pelajar.

Minat dalam aktiviti bersukan tidak dapat lari dalam jiwa Razifah. Beliau mewakili KUTKM dalam sukan bola jaring ‘Sukan 5 Penjuru’ yang diadakan di UTMKL muncul sebagai Naib Juara. Beliau juga diberi kepercayaan memegang jawatan Penolong Ketua Biro, Biro Sukan & Rekreasi (BASURI) yang mana antaranya ialah aktiviti Hari Keluarga Staf KUTKM yang diadakan di Port Dickson.

Dalam melaksanakan tugas-tugas, Razifah berpegang pada prinsip:

Kerjaku Usahaku mesti Tabah Kepada Masalah



<i>Nama</i>	: <i>Rohani binti Jantan</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00127</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pembantu Akauntan</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pejabat Bendahari</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>5 Jun 2001</i>

Rohani mula berkhidmat sebagai Pembantu Akauntan di KUTKM Pejabat Bendahari pada Jun 2001. Beliau ditempatkan di Unit Kewangan & Akaun yang kini telah dipecahkan kepada dua unit, iaitu Unit Kewangan & Terimaan dan Unit Biasiswa & Akaun Pelajar.

Rohani bertanggungjawab memastikan kemudahan dan kebijakan pelajar dari segi urusan biasiswa dan pinjaman berjalan lancar. Untuk itu, beliau sentiasa berusaha supaya kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan, dapat dilaksanakan dengan sempurna. Tanggungjawab dan komitmen beliau dalam Pengurusan Kewangan di Unit Biasiswa & Akaun Pelajar ini sentiasa mendapat sokongan dan kepercayaan daripada Ketua Jabatan.

Bagi beliau, kejayaannya ini tidak dapat dicapai tanpa kerjasama dan tunjuk ajar daripada semua Pegawai dan staf Pejabat Bendahari.



<i>Nama</i>	: <i>Khairul bin Taib</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00007</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Bendahari</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pejabat Bendahari</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>1 Januari 2001</i>

Pada 2002, Pejabat Bendahari baru menjangkau usia setahun dan masih banyak lagi peraturan dan prosedur dalam menjalankan operasi yang belum begitu mantap. Menterjemah wawasan, misi, objektif dan strategi KUTKM berkaitan dengan pengurusan kewangan, Khairul menganggap ini adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Berbekal dengan sedikit ilmu dan pengalaman yang ada serta kerjasama yang utuh daripada pegawai dan staf, beliau dan Pejabat Bendahari telah berjaya melaksanakan fungsinya walaupun dengan beberapa kekangan yang ada pada masa itu.

Faktor kejayaan Khairul dan juga Pejabat Bendahari banyak bergantung kepada kerja berpasukan. Sebagai penyelia, beliau bersyukur kerana mempunyai satu pasukan yang terdiri daripada pegawai dan staf yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugasannya mereka. Bagi Khairul, kejayaan beliau adalah kejayaan mereka juga.



<i>Nama</i>	: Abu Hassan bin Shamsudin
<i>No. staf</i>	: 00097
<i>Jawatan</i>	: Pembantu Perpustakaan
<i>Pejabat</i>	: Pejabat Perpustakaan
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 11 Jun 2001

Beliau mula berkhidmat di KUTKM sejak 11 Jun 2002 sebagai Pembantu Perpustakaan. Pengalaman selama 16 tahun dalam bidang perpustakaan, banyak membantu Abu Hassan melaksanakan tugas-tugas membangunkan keseluruhan sistem di Unit Sirkulasi seperti sistem pinjaman, pemulangan dan tempahan bahan serta perkhidmatan pembaharuan pinjaman di kalangan staf akademik. Di samping itu, beliau juga telah dipertanggungjawabkan menguruskan penjadualan perkhidmatan di Kaunter Sirkulasi.

Abu Hassan turut bertanggungjawab memberi perkhidmatan dengan penuh dedikasi dan mesra pelanggan kepada semua pengguna perpustakaan yang terdiri daripada kakitangan akademik, sokongan dan pelajar.

Walaupun perpustakaan KUTKM masih lagi dalam proses mengenal pasti sistem perpustakaan yang akan digunakan, beliau telah berusaha melicinkan lagi operasi pengurusan perkhidmatan di kaunter dengan lebih berkesan.



<i>Nama</i>	: Erni Suhadah binti Mod Husin
<i>No. staf</i>	: 00061
<i>Jawatan</i>	: Pembantu Tadbir
<i>Pejabat</i>	: Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 15 Mei 2001

Erni Suhadah berpendapat, prinsip kerja bersungguh-sungguh dan ikhlas dalam melaksanakan tugas yang diberi, adalah faktor utama yang membolehkan dirinya menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi 2002. Selain itu, keluarga yang memahami kerja beliau sebagai setiausaha dan komitmen yang dihulurkan oleh rakan sepejabat, banyak membantu dirinya melaksanakan tugas dengan lebih cekap.

Pengalaman sebagai Pembantu Khas kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Prof. Madya Md Noah bin Jamal (ketika itu), sedikit sebanyak banyak membantu membentuk Erni Suhadah menyesuaikan diri dalam apa bidang tugas yang diamanahkan oleh KUTKM.

Erni Suhadah berterima kasih kepada pihak Pengurusan Universiti di atas penganugerahan ini. Berbekalkan kepada kemahiran yang dipelajari di UiTM dan pengalaman berkhidmat dengan syarikat perunding swasta, memperkuatkannya lagi azam beliau untuk membangun dan memajukan KUTKM sebagai sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.



<i>Nama</i>	: <i>Wahi bin Nordin</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00100</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Penolong Pendaftar</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pejabat Pendaftar</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>11 Jun 2001</i>

Pada 2002, Wahi bertugas sebagai Penolong Pendaftar di Unit Kenderaan. Seperti mana yang sedia dimaklumi, jawatan ini melibatkan pengurusan perkhidmatan pengangkutan kepada seluruh warga universiti, menguruskan perolehan kenderaan dan penyelenggaraan kenderaan supaya sentiasa berada dalam keadaan sempurna.

Beliau berasakan tugas itu amat berat dan mencabar, lebih-lebih lagi apabila membabitkan acara-acara rasmi universiti. Bagaimanapun, hasil kerjasama serta sokongan semua staf di Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset, khususnya staf-staf Unit Kenderaan, tanggungjawab itu dapat dilakukan dengan sempurna. Wahi berterima kasih kepada semua pihak yang sentiasa memberi semangat dan bantuan dalam melaksanakan tugas berkenaan sehingga membolehkan beliau menerima anugerah berkenaan.

Selain melaksanakan tugas-tugas hakiki, Wahi juga menyumbangkan tenaga sebagai jurulatih di Unit Kokurikulum dengan memberikan perkhidmatan serta berkongsi pengalaman dengan mahasiswa KUTKM.

Beliau berjanji akan berusaha untuk memberi lebih banyak sumbangan kepada KUTKM sebagai tanda terima kasih di atas anugerah ini.



<i>Nama</i>	: Prof. Madya Md. Noah bin Jamal
<i>No. staf</i>	: 00037
<i>Jawatan</i>	: Ketua Pembangunan Dan Pengurusan Aset
<i>Pejabat</i>	: Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset
<i>Tarikh Mula Berkhidmat</i>	: 2 Mei 2001

Prof. Madya Md. Noah mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak KUTKM di atas anugerah ini. Beliau ingin berkongsi bersama dengan semua staf KUTKM yang banyak memberi tunjuk ajar kepadanya, terutama sekali staf FKE yang memberi sokongan padu semasa beliau menjalankan tugas.

Beliau juga berasa bersyukur kerana perancangan proaktif yang diambil telah berjaya meletakkan Fakulti di atas satu landasan kukuh dalam menuju wawasan universiti. Komitmen serta semangat bekerjasama sepasukan yang dicurahkan oleh semua staf dan pengorbanan yang diberikan, telah membolehkan KUTKM kondusif kepada perkembangan selanjutnya.



<i>Nama</i>	: Anis bin Md. Tahir
<i>No. staf</i>	: 00089
<i>Jawatan</i>	: Juruteknik
<i>Pejabat</i>	: Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset
<i>Tarikh Mula Berkhidmat</i>	: 5 Jun 2001

Anis menganggap anugerah ini sebagai sesuatu yang amat bernilai dalam kerjaya beliau di KUTKM. Beliau berterima kasih kepada semua pihak, termasuk kepada Ketua Unit Pembangunan Dan Aset, Prof. Madya Md. Noah bin Jamal serta Pengarah Pembangunan, Puan Noraida binti Attan kerana banyak memberi bimbingan dan sokongan sehingga beliau mampu menjalankan kerja dengan lebih mudah, efektif dan berkualiti.

Bagi Anis, bekerja dalam suasana kekeluargaan dan bekerjasama dalam menjalankan kerja yang diamanahkan tanpa mengira pangkat dan kedudukan adalah konsep kerja yang ditanam dalam dirinya. Bak kata pepatah Melayu, *berat sama dipikul ringan sama dijinjing*.

Sehubungan itu, beliau berazam akan bekerja lebih keras lagi untuk memartabatkan KUTKM sebagai sebuah universiti ternama yang menghasilkan graduan berkualiti dan pekerja mahir yang cemerlang seiring dengan pembangunan negara.



<i>Nama</i>	: Hadzli Zul bin Hamran
<i>No. staf</i>	: 00093
<i>Jawatan</i>	: Penolong Pegawai Sistem
	<i>Maklumat</i>
<i>Pejabat</i>	: Pusat Komputer
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 11 Jun 2001

Sejak berkhidmat di KUTKM mulai 11 Jun 2001, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini merupakan satu penghargaan yang sangat bererti untuk diri Hadzli Zul. Baginya, segala sumbangan yang diberikan selama ini bukanlah untuk mengharapkan balasan ataupun pengiktirafan. Beliau cuma memberikan yang terbaik dalam memenuhi keperluan tanggungjawab yang diberikan.

Sebagai salah seorang staf Pusat Komputer yang terawal berkhidmat di KUTKM, Hadzli Zul banyak terlibat secara langsung dalam membangun dan menyelenggarakan Sistem Maklumat Pelajar. Pembangunan Sistem ini telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kehendak pengguna dan keadaan semasa. Beliau juga terlibat membangunkan Sistem Pendaftaran Pilihan Raya Majlis Perwakilan Pelajar serta membantu membangunkan sistem-sistem kecil yang lain di Pusat Komputer.

Hadzli Zul sentiasa terlibat dan menyumbangkan tenaga dalam program anjuran KUTKM serta majlis rasmi universiti. Sumbangannya tidak terhad kepada itu saja, malah beliau turut mewakili pasukan bolasepak dan bola tampar KUTKM dalam beberapa kejohanan yang diadakan. Hadzli Zul sendiri turut melatih pasukan bola tampar pelajar KUTKM ke Kejohanan Sukan MASUM di UPM dan UiTM selepas dilantik sebagai Penolong Jurulatih untuk pasukan tersebut.

Hadzli Zul berkata, selagi khidmatnya diperlukan, sumbangan seperti itu akan diteruskan pada masa-masa yang akan datang.



<i>Nama</i>	: Ruslina binti Rusmani
<i>No. staf</i>	: 00108
<i>Jawatan</i>	: Penolong Pegawai Sistem Maklumat
<i>Pejabat</i>	: Pusat Komputer
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 23 Jun 2001

Sejak mula berkhidmat pada 23 Jun 2002, Ruslina sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Beliau ditugaskan di bawah Unit MIS dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Pegawai Sistem Maklumat unit berkenaan.

Sepanjang tempoh perkhidmatan di KUTKM, beliau telah berjaya membangunkan beberapa sistem untuk kemudahan pengguna. Antaranya, ialah Sistem Pengambilan Pelajar yang membantu mempercepatkan proses pemindahan data pelajar baru di KUTKM melalui UPU. Modul ini melibatkan pemindahan data UPU, modul surat tawaran dan P5 dan lain-lain lagi. Ruslina juga telah membangunkan Sistem Pengurusan Asrama yang kini banyak membantu dalam pengurusan asrama di Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Manakala Sistem Simulasi Pendaftaran Pelajar Baru merupakan sistem terkini yang beliau usahakan.

Selain menjalankan tugas-tugas hakiki, Ruslina juga aktif dalam sukan bola jaring dan telah mewakili Pusat Komputer pada Kejohanan Antara Jabatan di KUTKM. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Pusat Komputer merangkap Bendahari yang menguruskan hal-hal kewangan, seperti pinjaman jangka pendek, yuran bulanan serta sumbangan kepada staf Pusat Komputer yang ditimpa musibah, menerima cahaya mata dan hal-hal kebajikan lain.



<i>Nama</i>	: <i>Mohd Isa bin Mohd Dom</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00035</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pengarah Pusat Komputer</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pusat Komputer</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>31 April 2001</i>

Mohd Isa adalah antara staf pertama yang berkhidmat di Pusat Komputer dan seterusnya diikuti oleh tiga Pegawai Sistem Maklumat dan tiga Penolong Pegawai Sistem Maklumat.

Berbekalkan pengalaman serba sedikit semasa bertugas di Universiti Teknologi Malaysia dan di beberapa syarikat swasta sebelum ini, beliau bersama-sama dengan tenaga kerja utama KUTKM serta staf lain, telah membangunkan Pusat Komputer demi memenuhi keperluan Jabatan dan Fakulti lain di KUTKM. Pada 2002, mereka telah berjaya membangunkan infrastruktur teknologi maklumat di Kampus Sementara KUTKM dan menyediakan pelbagai kemudahan IT kepada staf dan pelajar.

Projek-projek infostruktur seperti Sistem Maklumat juga sudah mula dibangun dan digunakan bagi membolehkan maklumat-maklumat diselaras dan digunakan sebaik-baiknya. Antara sistem maklumat yang dilaksanakan pada 2002 ialah Sistem Maklumat Pelajar, Sistem Maklumat Staf (SISPEN) dan laman web KUTKM.

Selain bertanggungjawab merancang dan membangunkan Pusat Komputer supaya selaras dengan visi serta misi KUTKM, Mohd Isa juga sentiasa menyumbangkan idea-idea demi membangunkan KUTKM bersama-sama tenaga kerja utama lain. Beliau juga berusaha memberikan komitmen tinggi dalam setiap program universiti.

Dengan menggunakan pendekatan ‘Pusat Komputer sebagai sebuah keluarga besar’, Mohd Isa mengamalkan konsep pentadbiran dan pengurusan terbuka. Sentiasa mengadakan perbincangan, membuat perancangan, melaksanakan pembangunan dan tugas harian, secara tidak langsung telah menjadikan staf Pusat Komputer sebuah pasukan kerja yang kukuh. Baginya, kejayaan itu sebenarnya adalah kejayaan bersama seluruh staf Pusat Komputer.



<i>Nama</i>	: Prof. Madya Dr. Hj. Su'aidi bin Safei
<i>No. staf</i>	: 00104
<i>Jawatan</i>	: Dekan HEP
<i>Pejabat</i>	: Pejabat Hal Ehwal Pelajar
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 15 Jun 2001

Prof. Madya Dr. H. Su'aidi bersyukur ke hadrat llahi kerana dengan rahmat-Nya beliau telah diberi peluang berkhidmat kepada masyarakat dan khususnya kepada warga KUTKM melalui jawatannya sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar serta Pengerusi Biro Hal Ehwal Agama Dan Kerohanian (BEAK) di bawah Badan Kebajikan Staf KUTKM (BAKUTKM).

Sepanjang 2002, hingga kini, Pejabat HEP sentiasa menganjurkan program-program atau majlis-majlis yang mempunyai objektif untuk melahirkan para mahasiswa yang berjati diri tinggi dan prihatin terhadap isu-isu kemasyarakatan.

Selain aktiviti di sekitar kampus, beliau juga bergiat aktif dalam program anjuran pihak luar, seperti mempengerusikan Forum ‘Sepetang Bersama Pemimpin’ iaitu sebuah program anjuran bersama Jawatankuasa Hal Ehwal Belia MPMBB, Biro Pendidikan UMNO dan KUTKM. Prof. Madya Dr. Hj. Su'aidi juga telah dijemput oleh IMM, Melaka untuk memberikan ceramah kepada kakitangan Kementerian Kesihatan. Sumbangan dari segi idea dan kepakaran telah disalurkan melalui pembentangan kertas kerja serta perbincangan dalam program-program seperti Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad anjuran Kerajaan Negeri Melaka dan IKSEP, Konvensyen Kebangsaan Pengajian Islam Dan Teknologi anjuran Kolej Teknikal Islam Melaka dan juga ‘Bengkel Pengurusan Organisasi’ anjuran bersama Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar KUTKM.

Selagi ada hayat di kandung badan, selagi itulah beliau akan terus berkhidmat dan menyumbang demi membangunkan KUTKM untuk merealisasikan visinya serta demi kemajuan bangsa dan masyarakat.



<i>Nama</i>	: <i>Abdul Rashid bin Abdul Rahman</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00109</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Penyelia Asrama</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pejabat Hal Ehwal Pelajar</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>23 Jun 2001</i>

Abdul Rashid berterima kasih kepada semua pihak, terutama kepada Panel Pembangunan Sumber Manusia KUTKM kerana telah memilih beliau sebagai salah seorang penerima anugerah ini.

Beliau juga ber terima kasih kepada Y. Bhg. Datuk Rektor, Dekan HEP, Pendaftar, Pegawai-pegawai HEP dan rakan-rakan sekerja di Unit Kolej Kediaman kerana banyak membantu serta mendorong dirinya supaya gigih bekerja untuk KUTKM.

Sepanjang 2002, Abdul Rashid banyak terlibat dengan aktiviti pelajar, terutama dalam memastikan kelancaran majlis serta aktiviti pelajar yang diadakan. Beliau kerap dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaksana bagi kebanyakan majlis-majlis utama universiti seperti majlis Pecah Tanah Kampus Tetap, majlis Menandatangani Surat Aku Janji Staf Dan Pelajar, program Larian Jalur Gemilang serta program Berbuka Puasa Bersama Ketua Menteri.

Selain itu, Abdul Rashid juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti bercorak rekreasi dan sukan seperti program Jejak Korbu, Gunung Korbu di Perak, menyertai pertandingan Pacu Sampan di Riau, Indonesia, menjadi ahli Kelab Badminton Staf KUTKM dan menyertai Kursus Bina Negara bertempat di Kem Bina Negara, Langkawi.



<i>Nama</i>	: Siti Huzaimah binti Husin
<i>No. staf</i>	: 00094
<i>Jawatan</i>	: Jurutera Pengajar
<i>Pejabat</i>	: Fakulti Kejuruteraan Elektrik Dan Kejuruteraan Komputer
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 11 Jun 2001

Siti Huzaimah berterima kasih kepada Y.Bhg. Datuk Rektor kerana membenarkan nya berkhidmat di KUTKM mulai 11 Jun 2001. Beliau bertugas sebagai Jurutera Pengajar di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) di bawah pimpinan Dekannya, Prof. Abdul Hamid bin Hamidon. Sebagai Jurutera Pengajar yang pertama di FKEKK, antara tugas yang diamanahkan kepada Siti Huzaimah ialah merancang serta menggerakkan proses perjalanan makmal seperti perolehan peralatan, penyediaan kertas-kertas uji kaji makmal dan juga pengurusan sumber yang lebih efektif.

Memandangkan ketika itu, Fakulti masih terlalu muda dan proses perolehan peralatan perlu dibuat dengan teliti, beliau banyak dibantu oleh Ketua Jabatan Elektronik Industri, Encik Abdul Rani bin Othman. Memang tidak dinafikan bahawa kerjasama, perhatian dan bantuan dari rakan-rakan setugas di FKEKK, turut membolehkan beliau menjalankan tugas dengan lebih cemerlang dan berkesan.

Akhir sekali, Siti Huzaimah berasa begitu bangga kerana dapat memberi sumbangan kepada KUTKM amnya dan kepada FKEKK khususnya, seterusnya terhadap anugerah yang diberikan.



<i>Nama</i>	: Hafizah binti Adnan
<i>No. staf</i>	: 00159
<i>Jawatan</i>	: Juruteknik
<i>Pejabat</i>	: Fakulti Kejuruteraan Elektrik Dan Kejuruteraan Komputer
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 1 Ogos 2001

Hafizah telah melapor diri sebagai staf di FKEKK pada 1 Ogos 2001 dan pada ketika itu, Fakulti memerlukan khidmat seorang Juruteknik bagi membantu pembangunan makmal. Hafizah amat bersyukur dan berbesar hati kerana di bawah kepimpinan Y.Bhg. Datuk Rektor serta Dekan FKEKK, beliau telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan amanah itu dengan baik.

Sebagai Juruteknik, Hafizah ditugaskan untuk menyedia dan memastikan peralatan makmal berfungsi dengan baik dan teratur. Beliau juga bertanggungjawab terhadap disiplin dan kehadiran pelajar, laporan makmal, penerimaan peralatan baru, membantu pensyarah dan jurutera pengajar menjalankan uji kaji baru serta keselamatan makmal. Hafizah turut membantu dari segi pelaksanaan penggunaan buku stok dan proses daftar harta di makmal. Selain itu, beliau terlibat dengan Bengkel Kejuruteraan semasa semester khas dan ditugaskan membantu melancarkan perjalanan bengkel tersebut. Hafizah turut terlibat dalam mereka bentuk makmal FKEKK di kampus tetap.

Seterusnya, beliau mengucapkan ribuan terima kasih di atas penghargaan yang diberikan oleh pihak pentadbiran yang telah mengiktiraf sumbangannya kepada universiti.



<i>Nama</i>	: <i>Muhammad Shahrir bin Johal</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00045</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pensyiarab</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Fakulti Kejuruteraan Elektrik Dan Kejuruteraan Komputer</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>19 Mac 2001</i>

Muhammad Shahrir telah diterima sebagai tenaga pengajar di FKEKK mulai 1 Mei 2001. Pada ketika itu, universiti ini masih di ‘fasa pengambilan’. Fakulti pula amat memerlukan tenaga penggerak. Beliau bersyukur kerana telah diberi kepercayaan untuk membangunkan fakulti dan di bawah pimpinan Y.Bhg. Datuk Rektor serta Dekan FKEKK, beliau dapat melaksanakan amanah tersebut dengan sempurna.

Sebagai pensyiarah, Muhammad Shahrir diarahkan mengajar beberapa subjek iaitu Litar Logik, Prinsip Perhubungan dan Analisis Rangkaian. Beliau diberi kepercayaan menjadi Ketua Jabatan Kejuruteraan Komputer. Pada masa yang sama, dia turut membantu Jurutera Pengajar dan Tutor menyediakan uji kaji makmal serta kelas tutorial. Beliau turut dilantik sebagai Penyelaras Subjek Servis di fakulti yang bertindak menyelaraskan subjek-subjek servis, sama ada dipohon oleh FKEKK sendiri ataupun fakulti lain. Tunjuk ajar serta nasihat kepada pelajar, disalurkan melalui pertemuan dengan mereka sebagai Penasihat Akademik.

Muhammad Shahrir juga terlibat dengan program anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar seperti program Wacana Merentas Agama ‘Inter Faith Dialogue’ serta beberapa program lain sempena Ramadan. Pelantikan sebagai Pengetua kolej Kediaman telah memberikannya banyak peluang untuk berinteraksi dengan pelajar KUTKM dan cuba memahami keadaan serta masalah mereka.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak pentadbiran, khususnya Panel Pembangunan Sumber Manusia kerana telah mengiktiraf sumbangan yang diberikan selama ini melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini. Muhammad Shahrir juga berterima kasih kerana telah diberi peluang memainkan peranan penting dalam pembangunan fakulti dan universiti.



<i>Nama</i>	: <i>Ahmad Fadzli Nizam bin Abdul Rahman</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00021</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Penolong Pendaftar</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi</i>
<i>Tarikh Mula Berkhidmat</i>	: <i>19 Mac 2001</i>

Sebagai pegawai tadbir yang baru berkhidmat dan ditempatkan di FTMK, Ahmad Fadzli Nizam berasaskan beliau perlu melengkapkan diri dengan ilmu pentadbiran, terutama berkaitan hal ehwal akademik serta meningkatkan kemahiran diri bagi memastikan kelancaran pengurusan di Fakulti. Baginya, pentadbir menjadi sumber rujukan kepada pelanggan, staf akademik dan staf sokongan berkaitan prosedur, arahan-arahan kerajaan dan amalan-amalan dalam urusan pentadbiran. Untuk itu, beliau menanamkan sikap ingin belajar dan sentiasa berusaha memajukan diri supaya dapat memenuhi kehendak pelanggan dan pengurusan atasan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Padanya, kejayaan seseorang itu juga banyak bergantung kepada persekitarannya. Justeru, beliau cuba mewujudkan hubungan yang baik dengan semua pihak dan berusaha menyemai sikap toleransi, saling faham-memahami serta hormat-menghormati di kalangan rakan-rakan sekerja serta staf-staf di bawah tanggungjawab.

Selain itu, dorongan dan maklum balas daripada pengurusan tertinggi universiti, keluarga serta rakan-rakan, juga memainkan peranan penting untuk meningkatkan motivasi diri setiap individu ke arah menghasilkan kerja terbaik. Beliau yakin, jika seseorang individu itu sentiasa memikirkan tanggungjawabnya, berfikiran positif dan mahukan yang terbaik, mereka akan lebih bersemangat untuk memulakan tugas dan sentiasa berusaha memberikan hasil kerja yang berkualiti. Seterusnya, kepuasan bekerja juga dapat dicapai.



<i>Nama</i>	: <i>Noor Bahirah binti Johal</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00040</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pembantu Tadbir (P/O)</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>2 Mei 2001</i>

Noor Bahirah bersyukur dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan KUTKM di atas penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2002 ini. Beliau berharap anugerah yang diterima, akan meningkatkan lagi semangat dan motivasinya untuk terus bekerja dengan lebih baik lagi. Bagi beliau sikap seseorang individu itu sendiri yang akan menentukan kejayaan dirinya.

Sikap positif seperti berdisiplin, amanah dan memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugas, sentiasa menjadi amalan saya di pejabat. Berfikiran terbuka dan sentiasa bersedia menerima dan melaksanakan arahan telah menjadikan diri Noor Bahirah lebih tegas dalam menyempurnakan tanggungjawab meskipun dalam keadaan yang tertekan.

Sebenarnya, persekitaran kerja yang harmonis dan membina, banyak mendorong kepada kejayaan beliau ini. Selain itu, berkat doa, sokongan serta dorongan daripada semua ahli keluarga dan ibu bapa yang tercinta turut menyuntik semangat Noor Bahirah terus berusaha dalam membina kecemerlangan diri dan kerjaya.



<i>Nama</i>	: Zulaiha binti Md. Ali
<i>No. staf</i>	: 00151
<i>Jawatan</i>	: Pembantu Tadbir (Kesetiausahaans)
<i>Pejabat</i>	: Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 1 Ogos 2001

Zulaiha menyifatkan anugerah ini akan menjadi pemangkin kepada dirinya untuk terus meningkatkan prestasi kerja yang lebih cemerlang. Kejayaan beliau ini banyak didorong oleh pelbagai faktor; khususnya berkaitan keperibadian diri atau sifat seseorang itu.

Bagi Zulaiha, sikap berdisiplin, yakin dan bertanggungjawab adalah beberapa faktor yang penting. Kerjasama yang erat serta sikap saling hormat menghormati sesama rakan sekerja banyak membantu dirinya dalam menjalankan hubungan baik di pejabat. Beliau juga berasa bertuah dapat bertugas di FTMK kerana berpeluang menambah pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan dunia IT.

Selain itu, dorongan dan galakan daripada keluarga terutama suami tercinta, turut menyemarakkan lagi semangat Zulaiha untuk terus berkhidmat tanpa mengira masa. Prinsip yang dipegang ialah setiap tugas itu merupakan satu amanah yang perlu dijaga dan ditunaikan dengan sempurna.

Beliau akan terus berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik lagi kerana perkhidmatan yang cemerlang itu tidak ada penghujungnya.



<i>Nama</i>	: Ahmad Idil bin Abdul Rahman
<i>No. staf</i>	: 00187
<i>Jawatan</i>	: Tutor
<i>Pejabat</i>	: Fakulti Kejuruteraan Elektrik
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 15 November 2001

Sebagai tenaga pengajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Ahmad Idil sentiasa berusaha melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberi dengan misi untuk memartabatkan bidang pendidikan kejuruteraan serta mengharumkan nama KUTKM.

Tugas utama beliau ialah mengajar subjek Teknologi Elektrik dan Teknologi Mikropemproses bagi pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri). Untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran, Ahmad Idil telah menerbitkan sebuah monograf untuk tujuan rujukan pelajar bagi subjek Teknologi Elektrik. Beliau juga telah membantu Dekan dalam menggubal Kurikulum Baru peringkat Diploma.

Di peringkat Fakulti, Ahmad Idil telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan pengurusan dan pembangunan IT untuk keseluruhan FKE. Beliau turut terlibat dalam perundingan ‘*machinery consultancy*’ untuk perancangan makmal-makmal FKE di kampus tetap KUTKM. Dia juga diamanahkan untuk menguruskan pembangunan makmal serta bengkel elektrik di kampus sementara.

Dari segi sumbangan kemasyarakatan, Ahmad Idil terlibat dan turut membantu program-program rasmi universiti seperti majlis Pecah Tanah Kampus Tetap dan Minggu Haluan Siswa pelajar. Beliau juga turut serta dalam aktiviti di kawasan perumahannya.

Di samping penglibatan kerjayanya ini, Ahmad Idil turut mendapat bimbingan, tunjuk ajar serta sokongan daripada Prof. Madya Md. Noah bin Jamal serta Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman. Beliau juga menerima segala tugas yang diberikan sebagai satu tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan serta berharap agar tugas atau sumbangan yang diberikan akan dinilai sebagai ibadah oleh Allah SWT.



<i>Nama</i>	: Nur Azriah binti Amir
<i>No. staf</i>	: 00024
<i>Jawatan</i>	: Penolong Pendaftar
<i>Pejabat</i>	: Fakulti Kejuruteraan Elektrik
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 27 Mac 2001

Pentadbir merupakan jentera penggerak dalam memastikan kelincinan urusan pentadbiran dalam sesbuah organisasi dan boleh menjadi asas kepada kejayaan organisasi itu. Tanpa pentadbiran yang efektif, sesbuah organisasi itu akan lumpuh. Oleh itu, sebagai seorang pentadbir di FKE, Nur Azriah berkewajipan menyokong dan membantu Dekan bagi memastikan pentadbiran FKE sentiasa selari dengan moto universiti iaitu 'Kompetensi Teras Kegemilangan'. Seseorang pentadbir yang kompeten merupakan tonggak kepada organisasi yang cemerlang.

Sumbangan seorang pentadbir bukan saja terhad kepada bidang pentadbiran semata-mata, malah turut menyumbang dalam pembangunan akademik di fakulti. Bagi memastikan urusan akademik berjalan dengan sempurna, beliau diarahkan membantu tenaga akademik dalam hal-hal seperti menyelaras jadual waktu mengajar, mengemas kini kod-kod mata pelajaran serta kurikulum dan silibus program akademik fakulti dan lain-lain tugas berkaitan.

Segala sumbangan yang telah Nur Azriah berikan sama ada secara langsung ataupun tidak, hanyalah bertujuan membantu bergerak ke arah pembentukan sebuah fakulti yang cemerlang, seterusnya menjadikan KUTKM sebuah universiti yang gemilang. Kepercayaan yang diberikan kepadanya untuk menjadi Urus Setia dalam hampir semua majlis rasmi universiti, tidak beliau sia-siakan kerana percaya tugas-tugas tersebut sebenarnya adalah peluang untuknya menimba pengalaman, pengetahuan dan meningkatkan kemahiran. Segala ilmu dan pengetahuan yang diperolehi, cuba dimanfaatkan sebaik mungkin melalui penglibatan beliau dalam beberapa aktiviti kemasyarakatan. Dengan kepercayaan yang diberi, beliau akan terus berusaha dalam memajukan diri bagi memastikan martabat KUTKM sentiasa berada ditahap yang terunggul.



<i>Nama</i>	: Prof. Madya Abd. Salam bin Md. Tahir
<i>No. staf</i>	: 00038
<i>Jawatan</i>	: Dekan FKM
<i>Pejabat</i>	: Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 2 Mei 2001

Melihatkan perkembangan pesat yang dialami oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) selama dua tahun ini, membuatkan Prof. Madya Abd. Salam berasa segala penat lelah selama ini untuk membangunkan sebuah fakulti tidak sia-sia begitu sahaja. Sebagai staf yang pertama berkhidmat di FKM, tanggungjawab untuk membangun, memaju dan menerajui pentadbiran fakulti bukanlah sesuatu yang mudah. Bermula daripada sebuah bilik sebagai pejabat pentadbiran, hingga kini ia menaungi lima jabatan, mempunyai lapan makmal kejuruteraan dan enam studio.

Bersama-sama dengan tenaga kerja utama yang lain, beliau sentiasa berusaha memainkan peranan yang aktif dan menyumbangkan idea-idea bernes bagi memantapkan lagi pentadbiran KUTKM. Segala sumbangan ini disalurkan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang dianggotai, sama ada di peringkat fakulti mahupun peringkat universiti. Antaranya ialah, Jawatankuasa Tetap Senat, Jawatankuasa Pembangunan Kampus Tetap, Jawatankuasa Penilaian Tender dan Jawatankuasa Keutuhan Kewangan.

Prof. Madya Abd. Salam sentiasa mengamalkan konsep pentadbiran dan pengurusan yang berteraskan ‘musyawarah’ atau perundingan. Beliau cuba menyemai semangat kerja berpasukan ke dalam diri setiap staf FKM dan mementingkan perkhidmatan berkualiti yang mesra pelanggan.

Sungguhpun FKM ini sedang membangun dengan pesat, banyak lagi usaha-usaha yang perlu dijalankan oleh beliau supaya pembangunan fakulti ini menjadi lebih baik lagi, setanding dengan fakulti seumpamanya di universiti terkemuka yang lain.



<i>Nama</i>	: Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Ab. Hamid
<i>No. staf</i>	: 00070
<i>Jawatan</i>	: Profesor Madya
<i>Pejabat</i>	: Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 1 Jun 2001

Prof. Madya Dr. Abu Bakar mula berkhidmat di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) sejak Jun 2001 sebagai staf kontrak. Namun begitu, beliau tidak pernah teragak-agak untuk menyumbangkan tenaga serta kepakaran saya untuk pembangunan fakulti dan universiti.

Antara sumbangan beliau ialah penglibatan dalam perancangan Kampus Tetap FKM-KUTKM. Selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Kampus Tetap FKM, beliau juga membantu membuat perancangan dan pembangunan beberapa makmal FKM. Pada peringkat fakulti, Prof. Madya Dr. Abu Bakar menganggotai beberapa jawatankuasa seperti menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kurikulum Dan Silibus Mata Pelajaran FKM serta menjadi Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Dan Pengajian Siswazah FKM.

Beliau turut membantu memberikan tunjuk ajar serta bimbingan kepada staf-staf akademik yang memerlukan bantuan terutama dalam bidang Statik, Mekanik Struktur dan Bahan. Hasil daripada kerja berpasukan, mereka berjaya menyediakan modul pengajaran dan modul kerja amali untuk subjek-subjek tersebut. Kini, modul ini telah berjaya menjadikan sistem pengajaran subjek-subjek tersebut lebih berkesan dan berkualiti dan ia banyak membantu pelajar.

Prof. Madya Dr. Abu Bakar sering melaksanakan tugas-tugas pentadbiran FKM apabila Dekan terpaksa bertugas di luar kawasan atau mengambil cuti rehat yang panjang.



<i>Nama</i>	: <i>Sa'adiah binti Abdul Aziz</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00160</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pembantu Khas</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Fakulti Kejuruteraan Pembuatan</i>
<i>Tarikh Mula Berkhidmat</i>	: <i>20 Ogos 2001</i>

Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaian) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) selama hampir dua tahun, telah memberikan Sa'adiah banyak pengalaman dan pengajaran. Antara pengajaran yang telah dipelajari ialah peribadi seseorang itu akan mempengaruhi cara mereka bekerja. Dari sini, beliau sedar betapa pentingnya sikap amanah, bertanggungjawab serta rendah diri semasa berinteraksi dengan pelanggan. Beliau juga yakin bahawa sikap proaktif akan membuatkan kerja-kerja yang kita lakukan menjadi lebih efisien.

Sa'adiah juga mementingkan kekemasan kerja dalam melaksanakan tugas-tugas harian. Ini kerana kerja yang kemas akan memberikan impresif yang baik kepada pelanggan. Pengurusan pejabat yang baik terutamanya sistem fail dan maklumat yang sistematik dan lengkap merupakan nadi dalam pentadbiran di FKP. Sa'adiah berpendapat, perkara ini penting kerana ia dapat meminimumkan masalah kepada Dekan dan staf-staf lain terutama untuk mendapatkan maklumat.

Walaupunpun bidang tugas Sa'adiah adalah bertanggungjawab terus kepada Dekan, beliau sedia memberikan perkhidmatan kepada pegawai-pegawai yang lain.



<i>Nama</i>	: <i>Mohd Warikh bin Abd. Rashid</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00166</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pensyarah</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Fakulti Kejuruteraan Pembuatan</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>3 September 2001</i>

Sebagai seorang pensyarah, Mohd Warikh berpendapat ketekunan dalam menjalankan tugas adalah faktor terpenting untuk mencapai kejayaan dalam bidang kerjaya. Selain itu, faktor-faktor lain seperti konsisten dalam pekerjaan, amanah dan dedikasi juga sama pentingnya. Perhubungan sesama rakan sekerja dan staf-staf lain perlu dijaga supaya keharmonian di tempat kerja dapat diwujudkan. Semua ini menjadi amalan saya dalam melaksanakan tugas sehari-hari.

Mohd Warikh tidak membataskan tugas-tugasnya kepada bidang akademik semata-mata. Beliau pernah terlibat dengan pembangunan Makmal Bahan Kejuruteraan dari segi penyediaan spesifikasi peralatan, penulisan, penilaian tender serta menguruskan sebut harga. Beliau juga diberi kepercayaan untuk terlibat dengan penyediaan keperluan dan kelengkapan bagi makmal-makmal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan di Kampus Tetap kelak. Selain itu, Mohd Warikh juga telah dilantik sebagai Setiausaha bagi Jawatankuasa Kurikulum Dan Silibus, Jawatankuasa Penasihat Akademik dan Jawatankuasa Kebajikan, Sukan Dan Rekreasi di peringkat Fakulti.

Beliau begitu bersyukur dan terharu di atas pemberian anugerah ini. Untuk itu, beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan Panel Pembangunan Sumber Manusia dan juga kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan di atas pemilihan ini.



<i>Nama</i>	: <i>Mohd Fairuz bin Dimin @ Mohd Amin</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00064</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pensyarah</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pusat Perkhidmatan Akademik</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>30 April 2001</i>

Mohd Fairuz mengucapkan ribuan terima kasih kepada Panel Pembangunan Sumber Manusia di atas pemilihannya sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk 2002.

Beliau mula berkhidmat di KUTKM sejak April 2001 dan kini telah diberikan kepercayaan sebagai Ketua Jabatan Sains Dan Matematik di Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA). Mohd Fairuz sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di peringkat jabatan dan juga peringkat universiti, sama ada sebagai peserta ataupun bekerja di belakang tabir sebagai Urus Setia. Antaranya ialah Majlis Pecah Tanah Kampus Tetap, Kursus ICT Untuk Guru-Guru Sekolah Dan Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Melaka, Bengkel Perancangan Kampus Tetap KUTKM, Bengkel Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Latih Amal dan Bengkel Penyelidikan Kualitatif Dan Kuantitatif. Beliau juga pernah menyertai aktiviti di peringkat negeri iaitu Seminar Melaka Maju 2010.

Mohd Fairuz telah dilantik sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran untuk Makmal Fizik sejak Julai 2002 setelah berjaya menduduki peperiksaan yang berkaitan di Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT), Bangi, Selangor.



<i>Nama</i>	: <i>Syarifah Nurul Faridah binti Syed Abu Bakar</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00219</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Penolong Pendaftar</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pusat Perkhidmatan Akademik</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>2 Januari 2002</i>

Syarifah Nurul Faridah mula berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar di Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA) sejak 2 Jun 2002. Pada dasarnya, skop tugas beliau ialah membantu Dekan dalam menguruskan pentadbiran di Pejabat. Tugas ini meliputi pentadbiran am dan juga pengurusan akademik di PPA.

Sepanjang tahun 2002, beliau telah terlibat secara langsung dengan hampir semua aktiviti-aktiviti di PPA mahupun majlis-majlis rasmi peringkat universiti seperti majlis Pecah Tanah Kampus Tetap KUTKM, Bengkel Penyelidikan Kualitatif Dan Kuantitatif, Kursus ICT Untuk Guru-Guru Sekolah Menengah Negeri Melaka, Bengkel Pengajaran Dan Pembelajaran Secara ‘Hands-On’, Pertandingan Sajak & Pidato Kemerdekaan Peringkat Negeri Melaka dan juga Konvensyen Melaka Sebagai Pusat Kecemerlangan.

Sebagai seorang staf yang baru saja berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Syarifah Nurul Faridah sedar masih banyak lagi perkara yang perlu dipelajari dalam melaksanakan tugas harian. Bagi mengatasi perkara ini, beliau sentiasa cuba meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan menghadiri kursus-kursus yang berkaitan bidang tugas dan kemahiran personal. Antaranya ialah Kursus Pengurusan Buku Vot dan Kursus Profesionalisme Wanita Abad Ke-21.

Segala sumbangan yang dicurahkan hanyalah dengan niat untuk menjadikan PPA lebih cemerlang dan seterusnya meningkatkan imej KUTKM sendiri. Beliau akan terus berusaha untuk memajukan diri demi memastikan kecemerlangan ini akan berterusan pada masa-masa yang akan datang.



<i>Nama</i>	: <i>Hazmilah binti Hasan</i>
<i>No. staf</i>	: <i>00209</i>
<i>Jawatan</i>	: <i>Pensyarah</i>
<i>Pejabat</i>	: <i>Pusat Perkhidmatan Akademik</i>
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: <i>19 Disember 2001</i>

Hazmilah menganggap kejayaan menerima anugerah ini mungkin disebabkan oleh sikap optimistik yang diamalkannya selama ini. Baginya, apabila diberi tugas sama ada di peringkat Jabatan atau peringkat universiti, beliau cuba melakukan yang terbaik dan melaksanakannya dengan ikhlas. Beliau berpendapat, jika kita memberikan perkhidmatan yang baik, secara tidak langsung ia akan menaikkan nama KUTKM di mata masyarakat. Setiap staf sebenarnya membawa imej KUTKM ke mana saja mereka pergi.

Di samping usaha sendiri, Hazmilah juga sentiasa menghargai sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh rakan-rakan sekerja. Tanpa bantuan mereka, sudah tentu sukar baginya untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab itu bersendirian. Berdasarkan pengalaman inilah, beliau berasaskan betapa pentingnya seseorang itu menjalinkan hubungan baik dan mengamalkan komunikasi berkesan sesama rakan sekerja serta staf KUTKM keseluruhannya.

Bagi Hazmilah, anugerah ini merupakan satu motivasi baginya untuk bekerja dengan lebih gigih lagi dan melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi supaya dapat membentuk kecemerlangan diri selari dengan visi dan misi KUTKM.



<i>Nama</i>	: Azlina binti Amzah
<i>No. staf</i>	: 00264
<i>Jawatan</i>	: Pembantu Tadbir (Kesetiausahaans)
<i>Pejabat</i>	: Pusat Universiti-Industri
<i>Tarikh Mula</i>	
<i>Berkhidmat</i>	: 2 Januari 2002

Memberikan yang terbaik kepada organisasi adalah menjadi keutamaan kepada Azlina. Pengalaman bekerja sebelum ini dan pemerhatian terhadap perkembangan sekeliling, dijadikan iktibar olehnya dengan menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari. Nilai-nilai ini ialah komited terhadap tugas, pentingnya perancangan dan pembahagian masa serta bersifat amanah. Beliau yakin, jika nilai-nilai murni ini diamalkan oleh setiap warga KUTKM, mereka akan dapat memacu KUTKM ke arah kecemerlangan dengan lebih cepat lagi.

Beliau berterima kasih kepada semua pihak, termasuk Dekan UNIC serta Pegawai-pegawai yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan kepercayaan kepada dirinya dalam melaksanakan tanggungjawab sehari-hari.

Seterusnya, Azlina juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak pernah JEMU untuk memberikan pertolongan, idea-idea serta teguran membina kepadanya selama ini. Tanpa mereka semua, beliau tidak akan mampu melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.

Anugerah ini baginya, adalah satu penghargaan yang tidak ternilai bagi, sekali gus akan menjadi pendorong kepada beliau untuk meningkatkan lagi mutu dan kualiti kerja bagi tahun-tahun mendatang.

BAHAGIAN JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

Walaupun baru ditubuhkan pada tahun 2000, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menyedari kepentingan kualiti yang perlu diwujudkan di dalam sumber, proses, struktur dan prosedur untuk KUTKM mencapai visi dan misinya. Sejak itu, Bahagian Jaminan Kualiti dan Akreditasi (BJKA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 2003 dengan diketuai seorang pengarah. Penekanan kepada kualiti diatur untuk meningkatkan tahap kualiti pengurusan dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan dan memberikan kepuasan pelanggan.

Oleh itu, Bahagian Jaminan Kualiti dan Akreditasi dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

1. Memastikan pembudayaan kualiti menyeluruh diterapkan dan dihayati oleh warga KUTKM.
2. Memastikan tahap kualiti kurikulum mematuhi piawaian dan mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam, badan-badan ikhtisas dan antarabangsa.

Bagi melaksanakan fungsi-fungsi tersebut, BJKA telah menetapkan aktiviti-aktiviti yang berikut untuk dilaksanakan:

- Mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000 bagi skop pengajaran dan pembelajaran
- Mengumpul, menyebarkan dan menerbitkan maklumat mengenai kualiti
- Mengendalikan latihan
- Menjalankan kajian kepuasan pelanggan
- Mendapatkan pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam, badan-badan ikhtisas dan antarabangsa.
- Memantau tahap kualiti dan jaminan kualiti semua program pengajaran yang ditawarkan oleh pihak Fakulti selaras dengan keperluan pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan badan ikhtisas.
- Memantau sistem pengajaran dan pembelajaran supaya sentiasa menepati piawaian kualiti yang ditetapkan.

Diharapkan aktiviti-aktiviti yang dirancang akan menjadikan KUTKM sebuah organisasi berkualiti yang ditunjukkan melalui penghasilan graduan dan perkhidmatan berkualiti.

Majlis pelancaran ini menjadi permulaan kepada aktiviti-aktiviti pelaksanaan Sistem ISO 9000 sehingga KUTKM memperolehi pengiktirafan melalui persijilan MS ISO 9001:2000 kelak.

PELANCARAN SISTEM ISO 9000

DASAR KUALITI

“Semua warga KUTKM beriltizam memberi perkhidmatan, pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan kemasyarakatan yang berkualiti dan berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan”

OBJEKTIF KUALITI

- i. Meningkatkan kepuasan pelajar
- ii. Meningkatkan tahap pencapaian pelajar
- iii. Melaksanakan penambahbaikan yang berterusan
- iv. Menanamkan nilai dan budaya bekerja yang cemerlang
- v. Mewujudkan persekitaran kerja yang memberangsangkan
- vi. Mendapatkan dan mengekalkan pengiktirafan MS ISO 9001:2000
- vii. Menghasilkan penemuan penyelidikan terkini serta bermanfaat kepada masyarakat
- viii. Menawarkan perkhidmatan perundingan yang cekap dan berkesan
- ix. Menyumbang kepakaran universiti untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat sejagat

SLOGAN

Kualiti ke arah kecemerlangan

IKRAR KUALITI

Kami warga KUTKM berikrar dengan sesungguhnya akan memberi perkhidmatan-perkhidmatan berdasarkan ciri-ciri berikut :

- Bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan
- Sentiasa mengutamakan dan menepati keperluan pelanggan
- Berusaha meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan
- Sentiasa mengoptimumkan penggunaan sumber
- Mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan

SENARAI NAMA AHLI JAWATANKUASA INDUK

Y. Bhg. Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin Bin Ab Ghani
Rektor

Prof. Ismail Bin Hassan
Timbalan Rektor (Akademik)

Prof. Dr. Azhari Bin Saleh
Timbalan Rektor (Pembangunan & Perancangan Korporat)

Prof. Madya Dr. Hj. Suaidi Bin Dato Safei
Dekan Hal Ehwal Pelajar

Hasan Bin Sirun
Pendaftar

Khairul Bin Taib
Bendahari

Hajah Faridah Binti Hj. Md Amin
Ketua Pustakawan

Mohd. Isa Bin Mohd Dom
Pengarah Pusat Komputer

Prof. Madya Md. Noah Bin Jamal
أونیورسیتی تیکنالوجی ملائکا
Ketua Pembangunan Dan Pengurusan Aset

Prof. Abd Hamid Bin Hamidon
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer

Prof. Dr. Mohammad Ishak Bin Desa
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

Prof. Dr. Marizan Bin Sulaiman
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Prof. Madya Abd Salam Bin Md Tahir
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Prof. Dr. Md Razali Bin Ayob
Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Prof. Madya Dr. Zolkepli Bin Buang
Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik

Prof. Dr. Abu Bin Abdullah
Dekan Pusat Universiti-Industri

Prof. Dr. Mokhtar Bin Mohd Yusof
Pengarah Bahagian Jaminan Kualiti dan Akreditasi

Prof. Madya Dr. Hanipah Binti Husin
Ketua Unit Kokurikulum



SENARAI NAMA AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA

URUS SETIA BERSAMA

Pejabat Pendaftar dan Bahagian Jaminan Kualiti & Akreditasi

PENYELARAS JAWATANKUASA

JAWATANKUASA PELAKSANA MAJLIS

Encik Zainal bin Bidin

JAWATANKUASA JEMPUTAN & PROTOKOL

Puan Noornahar binti Akashah



JAWATANKUASA SAMBUTAN

Encik Zainuddin bin Ahmad

JAWATANKUASA JAMUAN

Encik Khairul bin Taib

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

JAWATANKUASA PERSIAPAN

Puan Noraida binti Attan

JAWATANKUASA PENERBITAN

Prof. Madya Goh Ong Sing

JAWATANKUASA PAMERAN

Encik Sugumar A/L Dharmalingam

JAWATANKUASA KESELAMATAN

Encik Samsuddin bin Abdul Karim

JAWATANKUASA TEKS UCAPAN

Encik Mohd. Shamsuri bin Md. Saad

IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Kami, pegawai awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkuatkannya integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:-


- Pertama** : Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Kedua** : Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Ketiga** : Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang peraturan dan etika jabatan;
- Keempat** : Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak yang memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Kelima** : Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej pegawai awam; dan
- Keenam** : Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

IKRAR KUALITI

Kami warga KUTKM berikrar dengan sesungguhnya akan memberi perkhidmatan-perkhidmatan berdasarkan ciri-ciri berikut :

- Bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan
- Sentiasa mengutamakan dan menepati keperluan pelanggan
- Berusaha meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan
- Sentiasa mengoptimumkan penggunaan sumber
- Mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan

CATATAN





UTeM

اویورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

Perpustakaan
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hubungi:

Phone: 06-3316822 | Fax: 06-3316811

<http://library.utem.edu.my>

PERPUSTAKAAN
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

0026624

22 JUL 2005



UTeM

اوئيسيتي تيكنيك ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



MS ISO 9001:2000